

ANG

Welcome to National Art Gallery, Malaysia



INDS

# NAG FRIENDS

Berikut adalah terma dan syarat aturan penggunaan Kad Keahlian NAG Friends dan tawaran lain yang berkaitan dengan program keahlian NAG Friends.

## TERMA & SYARAT KEAHLIAN

### PERMOHONAN KAD KEAHLIAN NAG FRIENDS

Permohonan keahlian boleh dibuat melalui e-mel [nagfriends@artgallery.gov.my](mailto:nagfriends@artgallery.gov.my) atau secara dalam talian di laman web [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

### PERUBAHAN MAKLUMAT PERIBADI

Ahli bertanggungjawab untuk memastikan maklumat peribadi dikemaskini untuk menerima makluman semasa daripada Balai Seni Negara.

### KEROSAKAN / KEHILANGAN KAD

Ahli bertanggungjawab untuk menjaga kad keahlian mereka. Sekiranya kad hilang, rosak atau digunakan oleh orang lain, laporan mesti dibuat segera dengan menghubungi talian 03-4026 7021 untuk penggantian kad. Bayaran penggantian kad sebanyak RM5.00 akan dikenakan untuk setiap kad yang hilang. Sekiranya kad yang hilang ditemui, sila kembalikan segera kepada Balai Seni Negara.

### PENGGUNAAN KAD

Kad keahlian N.A.G Friends tidak boleh dipindah milik.

Sila tunjukkan kad keahlian semasa berada di NAG Store, menghadiri majlis perasmian pameran dan sebarang acara anjuran Balai Seni Negara di kaunter pendaftaran.

### PENGUMPULAN, PENGGUNAAN DAN/ ATAU PENDEDAHAN DATA PERIBADI

Balai Seni Negara boleh mengumpulkan, menggunakan dan/atau mendedahkan data peribadi ahli sesuai dengan persetujuan yang diperoleh daripada ahli dalam Borang Pendaftaran Keahlian.

### PENAFIAN

Balai Seni Negara berhak mengubah, menambah atau menghapus terma dan syarat dan keistimewaan yang berkaitan dengan keahlian dan penggunaan kad keahlian pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan terlebih dahulu.

Balai Seni Negara juga tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh penyediaan perkhidmatan dan/atau vendornya.



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI & BUDAYA MALAYSIA




البيوتات  
Balai Seni Negara  
National Art Gallery



f Balai Seni Negara  
@ nationalartgallerymy  
BalaiSeniNegara  
National Art Gallery Malaysia  
[www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

#balaiseninegara #MyMOTAC  
#nationalartgallery #MySeniBudaya  
#NAGMalaysia



## Keahlian **NAG FRIENDS**

---

Balai Seni Negara memperkenalkan keahlian "NAG Friends" yang merangkumi tiga (3) pilihan keahlian yang diperbaharui dan menarik iaitu:

- **Keahlian Pelukis (Artist Membership)**
- **Kelab Kanak-kanak (Kids Club)**
- **Rakan Galeri (Friends of the Gallery)**

Keahlian NAG Friends adalah terbuka kepada pencinta seni tanah air! Apabila anda membawa kad keahlian NAG Friends, anda akan mendapat pelbagai faedah yang lebih eksklusif.

Anda juga berperanan sebagai 'duta' NAG Friends dalam mempromosi Balai Seni Negara dan program-programnya untuk membawa seni kepada khalayak ramai.

Raih cinta anda terhadap seni bersama Balai Seni Negara dan menyokong program-program di Balai Seni Negara dengan menjadi salah satu keahlian NAG Friends!

**Jom sertai keahlian NAG FRIENDS sekarang!**

## Keahlian Pelukis *ARTIST MEMBERSHIP*

Keahlian Pelukis di Balai Seni Negara adalah terdiri daripada pelukis tempatan yang bertujuan untuk menjayakan matlamat dalam mempamerkan, mendidik dan berkongsi seni kepada khalayak ramai serta meningkatkan keterlihatan diri dan menggalakkan pembangunan industri seni visual.

### Kelebihan menjadi 'Artist Membership'

Balai Seni Negara mengendalikan dan menyediakan faedah keahlian pelukis, sokongan dan peluang yang menarik untuk pelukis seni visual seperti:

- Menikmati diskaun 10% untuk pembelian kesemua barangan bahan-bahan melukis, penerbitan dan cenderamata di NAG Store.
- Menikmati diskaun 20% dalam menyertai program/bengkel/aktiviti seni berbayar.
- Menerima SENIKINI: Malaysia Art Now secara percuma untuk setahun.
- Menerima jemputan menghadiri majlis perasmian pameran dan sebarang acara anjuran Balai Seni Negara melalui SMS atau e-mel.
- Penyertaan dalam pameran 'Artist Membership' (Tertakhluk kepada cadangan Takwim Pameran).
- Berpeluang menghantar permohonan mengadakan pameran atau program di Balai Seni Negara (Setiap permohonan akan melalui penilaian oleh Jawatankuasa Pameran).
- Berpotensi dipertimbangkan untuk mendapat bantuan menerusi Tabung Bantuan Seni (TBS) Balai Seni Negara.



### Terma dan Syarat Keahlian

- Warganegara Malaysia.
- Berumur 25 tahun ke atas dan berpengalaman lebih 5 tahun dalam pelbagai bidang seni visual.
- Berstatus pelukis sepenuh masa atau separuh masa.

# Keahlian Kelab Kanak-kanak ***KIDS CLUB MEMBERSHIP***

Keahlian dibuka kepada kanak-kanak bagi tujuan untuk membiasakan anak-anak anda dengan galeri seni dan memperkenalkan mereka kepada seni, menginspirasi bakat mereka, menerokai pelbagai aktiviti seni dan mempelajari kemahiran serta medium yang dirancang bersama pelukis dan pengamal seni.

## Kelebihan menjadi 'Kids Club Membership'

Kini, NAG Friends memperkenalkan keahlian baru dan eksklusif untuk anak-anak anda serta menyediakan faedah keahlian yang menarik seperti:

- Menikmati diskaun 10% untuk pembelian kesemua barangan bahan-bahan melukis, penerbitan dan cenderamata di NAG Store.
- Menikmati diskaun 20% dalam menyertai sebarang aktiviti seni berbayar untuk kanak-kanak.
- Menerima jemputan menghadiri sebarang program atau aktiviti seni anjuran Balai Seni Negara melalui e-mel.



### Terma dan Syarat Keahlian

- Warganegara Malaysia.
- Berumur 4 hingga 12 tahun.
- Bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- Kehadiran kanak-kanak dalam menyertai sebarang aktiviti seni wajib ditemani oleh ibubapa atau penjaga mereka.

## Keahlian Rakan Galeri ***FRIENDS OF THE GALLERY MEMBERSHIP***

NAG Friends juga menawarkan peluang kepada individu yang berdedikasi untuk menyumbang dan memainkan peranan penting dalam menyokong misi dan program Balai Seni Negara dengan memberi inspirasi dan melibatkan orang ramai melalui seni. Jadilah sebahagian daripadanya!

Terima kasih atas sokongan anda.

### **Kelebihan menjadi 'Friends of Gallery Membership'**

Dengan menjadi ahli rakan galeri, anda akan menikmati faedah yang eksklusif!

- Menikmati diskaun 10% untuk pembelian kesemua barangan bahan-bahan melukis, penerbitan dan cenderamata di NAG Store.
- Menikmati diskaun 20% dalam menyertai sebarang aktiviti seni berbayar.
- Menerima jemputan menghadiri majlis perasmian pameran dan sebarang acara anjuran Balai Seni Negara melalui SMS atau e-mel.
- Berpeluang menyertai acara jualan produk seni atau kreatif bazar anjuran Balai Seni Negara.
- Berpeluang menyertai program sukarelawan galeri.



### **Terma dan Syarat Keahlian**

- Warganegara Malaysia.
- Berumur 20 tahun ke atas.
- Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- Kelancaran dalam bahasa lain menjadi kelebihan.

# NAG FRIENDS

## Keahlian/ Membership

Sertai NAG FRIENDS sebagai ahli!  
Join NAG FRIENDS as a Member!

No. Keahlian/ Membership No. ....



- Pelukis/ Artist
- Kanak-kanak/ Kids
- Rakan Galeri/ Friends of the Gallery

Nama/ Name .....

Pekerjaan/Profession .....

No. MyKad .....

Persatuan/ Kelab Seni  
Association/Art Club .....

Jantina/ Gender ..... Umur/ Age .....

Tarikh Lahir/  
Date of Birth ..... Tempat Lahir/  
Birthplace .....

Bidang/ Field .....  
Tanda yang berkenaan/  
Mark the relevant

Alamat/ Address .....

- Arca/ Sculpture  Literatur/ Literature
- Catan/ Painting  Lukisan/ Drawing
- Cetakan/ Printing  Media baru/ New Media
- Fotografi/ Photography  Rekabentuk/ Design
- Grafik/ Graphic  Seni Kraf/ Craft Art
- Ilustrasi/ Illustration  Seramik/ Ceramic
- Karikatur/ Caricature  Lain-lain (sila nyatakan)  
Others (please state)
- Komik/ Comic
- Kurator/ Curator

Poskod/  
Postcode ..... Negeri/  
State .....

Negara/Country .....

Telefon (Rumah)/  
Telephone (Home) ..... Telefon (Bimbit)/  
Telephone (Mobile) .....

E-mel/Email .....

Media Sosial/  
Social Media .....

Laman Web/ Blog  
Website/ Blog .....

\*Nama Ibu/ Bapa/  
Penjaga (Kids Club)  
Name of Mother /  
Father / Guardian  
(Kids Club) .....

Tandatangan/  
Signature .....



Balai Seni Negara National Art Gallery  
No 2, Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur Malaysia.

T +603 4026 7000  
F +603 4025 4987

[www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)



Balai Seni Negara



BalaiSeniNegara



[nationalartgallerymy](https://www.instagram.com/nationalartgallerymy)



National Art Gallery Malaysia

## Bagaimana untuk memohon?

- E-mel permohonan untuk semakan kepada: nagfriends@artgallery.gov.my dengan subjek, 'NAG Artist Membership' / 'NAG Kids Club' / 'NAG Friends of the Gallery'.

### Bagi permohonan Keahlian Pelukis 'Artist Membership', sila lampirkan dan e-mel :

- Biodata/Profil/CV pelukis dan gambar berukuran pasport dalam format JPEG bersaiz A4
- Minima tiga (3) imej karya dalam format JPEG bersaiz A4 serta butiran karya; tajuk, tahun, medium dan saiz
- Keratan akhbar/artikel penulisan/imej katalog dan lain-lain dalam format JPEG bersaiz A4

### Bagi permohonan Keahlian Kelab Kanak-kanak 'Kids Club Membership' / Keahlian Rakan Galeri 'Friends of the Gallery Membership', sila lampirkan dan e-mel :

- Biodata/Profil/CV pemohon dan gambar berukuran pasport dalam format JPEG bersaiz A4

- Pemohon akan menerima e-mel susulan dalam masa 1 minggu daripada pihak Balai Seni Negara

atau,

- Mengisi Borang Pendaftaran Keahlian NAG Friends secara dalam talian di laman web [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

atau,

- Muat turun e-Brosur Keahlian NAG Friends bagi mendapatkan maklumat seperti faedah dan cara memohon keahlian dan lain-lain di laman web [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

## Senarai Semak Permohonan

Yuran keahlian

Borang permohonan yang telah lengkap diisi

Gambar berukuran pasport

Biodata/profil/CV pelukis

## Bayaran Pendaftaran Keahlian NAG Friends

<b>Keahlian Pelukis</b> <i>'Artist Membership'</i>	<b>RM 100.00</b> (Sepanjang Hayat)
<b>Keahlian Kelab Kanak-kanak</b> <i>'Kids Club Membership'</i>	<b>RM50.00</b> (Sehingga kanak-kanak berumur 12 tahun)
<b>Keahlian Rakan Galeri</b> <i>'Friends of the Gallery Membership'</i>	<b>RM50.00</b> (Sepanjang Hayat)

Bayaran boleh dibuat secara TUNAI atau,

Melalui Cek/ Wang Pos atas nama

### LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA

dan poskan ke:

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA  
No. 2, Jalan Temerloh  
Off Jalan Tun Razak  
53200 KUALA LUMPUR  
(u/p: Cawangan Jaringan dan Pendidikan)

Minima tiga (3) imej karya dalam format JPEG bersaiz A4

Butiran karya; tajuk, tahun, medium dan saiz

Katalog, keratan akbar, artikel penulisan, jurnal dan lain-lain